

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN HARI KEMAS KEBANGSAAN 2002
DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN, BATU PAHAT, JOHOR
18 OKTOBER 2002

Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat hadir bersama-sama di Majlis Sambutan Hari KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2002 yang diadakan pada malam ini. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada KEMAS yang telah menganjurkan satu perjumpaan yang meriah seperti ini.

2. KEMAS adalah satu agensi yang menjadi harapan kerajaan sebagai jambatan penghubung antara kerajaan dan rakyat. Peranan KEMAS yang telah menembusi hingga ke peringkat akar umbi adalah untuk mencapai satu matlamat iaitu membangunkan masyarakat luar bandar supaya mereka mencapai kualiti hidup yang baik serta bersama mengecapi kebahagiaan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh negara kita. Di samping itu KEMAS akan memastikan mereka tidak tersisih daripada arus perdana pembangunan.

3. Kerajaan memang sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar, menangani masalah kemiskinan, gejala sosial dan menyediakan kemudahan. Usaha-usaha mengatasi masalah ini tidak akan mencapai matlamatnya tanpa kerjasama dan peranan berkesan oleh agensi-agensi kerajaan. Kerajaan tetap menjadikan peningkatan kualiti hidup rakyat di negara ini sebagai agenda utama.

4. Kita rasa bertuah dan seharusnya sentiasa bersyukur kerana dapat hidup dengan sejahtera dan harmoni di negara ini. Negara kita adalah sebuah negara yang aman, tenteram dan selamat. Keadaan ekonomi kita stabil dan rakyat pula dapat memahami kehendak dan aspirasi pemimpin dan negara. Jika dibandingkan dengan negara jiran atau negara-negara lain di dunia, keadaan di negara kita ini adalah jauh lebih baik dalam pelbagai aspek.

5. Dunia sekarang sedang bergolak, kuasa besar menekan kuasa-kuasa kecil, barat mula mencari jalan melemahkan negara-negara Islam. Dunia tahu apa yang berlaku di Afganishtan, masyarakat dunia tahu apa yang berlaku di Palestin dan sekarang tumpuan untuk menjatuhkan pula negara Islam Iraq. Kenapa ini berlaku? Apakah tidak mungkin ia terjadi kepada negara kita? Soal pokok, rakyat kena bersatu hati, rakyat kena bersatupadu mempertahankan kedaulatan negara kerana kekuatan itu datangnya dari perpaduan dan rasa kecintaan yang tidak berbelah bagi rakyat negara ini sendiri.

6. Menjamin keamanan dan keselamatan negara adalah matlamat kerajaan dan perjuangan kita semua. Negara yang aman dan tenteram selalu menjadi pilihan negara luar untuk dijadikan `model'. Negara kita bahkan pemimpin kita sendiri, YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri kia seringkali dijadikan tempat rujukan. Kita bangga kerana `Malaysia Boleh'. Kesemuanya ini dicapai hasil daripada kemufakatan kita rakyat negara ini. Negara akan terus maju jika kita dapat bersama-sama menjalankan tanggungjawab terhadap membangunkan bangsa, agama dan negara.

7. Kesepakatan juga telah dicapai dalam usaha Kerajaan menangani isu Bahasa Inggeris. Kerajaan menekankan betapa perlunya rakyat di negara ini menguasai Bahasa Inggeris untuk maju ke hadapan. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang diiktiraf di seluruh dunia. Ilmu adalah aset kepada seseorang. Agama kita sendiri menyuruh kita 'Tuntutlah ilmu walau sampai ke Negeri China sekalipun', 'Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad' dan macam-macam lagi tetapi ilmu-ilmu ini telah banyak di tulis dalam Bahasa Inggeris maka kita perlu memahami bahasa itu untuk menjadikan diri kita sebagai seorang yang berilmu.

8. Tujuan kerajaan sebenarnya bukanlah bermaksud untuk mengeneipkan Bahasa Rasmi kita. Kita tetap sanjung bahasa ibunda kita. Mengikut Perlembagaan Perkara 152 di mana Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan tidak akan diubah. Perlembagaan tetap kita pelihara selagi kita berkuasa. Untuk itu, jangan kita memberi ruang kepada anasir atau unsur-unsur jahat menguasai kita. Kuasa yang ada pada kerajaan adalah mandat dari rakyat, mandat dari semua yang hadir pada malam ini.

9. Justeru itu, saya menyeru kepada semua warga KEMAS yang menjadi tulang belakang kepada perjuangan bangsa, agama dan negara ini, supaya mempertahankan negara ini daripada dicemari oleh anasir yang tidak sihat. Anggota KEMAS diharapkan dapat membantu kerajaan dalam menerangkan kepada rakyat akan hasrat dan impian kerajaan untuk menjadikan negara ini dan rakyat negara ini maju dan terus maju mencapai matlamat yang diwarwarkan.

10. Saya tidak menafikan bahawa KEMAS telah banyak membantu dalam mengekalkan 'status quo' kuasa kerajaan yang memerintah. Kepada saya KEMAS telah berjaya memberi keyakinan kepada rakyat untuk menyokong kerajaan menerusi usaha-usaha yang dilaksanakannya. Usaha ini hendaklah diteruskan dan setiap anggota KEMAS hendaklah menjadi 'role model' dengan menunjukkan 'kredibiliti kepimpinan' yang baik dan berkesan di peringkat akar umbi. Di awal penubuhan KEMAS tujuannya adalah untuk membasmi buta huruf yang merupakan batu penghalang kepada pembangunan negara. Ternyata lebih daripada 85% isu buta huruf ini dapat diatasi di kalangan masyarakat luar Bandar dan jelas menunjukkan bahawa KEMAS telah mencapai satu kejayaan yang membanggakan. Kini selaras dengan Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar yang berada di dalam era transformasi ke dua luar Bandar, tumpuan KEMAS telah beralih kepada program-program / aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa.

11. Banyak aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS, seperti Taman Bimbingan Kanak-Kanak, Pendidikan Bina Insan, Pendidikan Kemahiran, Pendidikan Literasi Komputer, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, Pusat Sumber, Gerakan Desa Wawasan dan lain-lain. Namun demikian kualiti dan kaedah pelaksanaan program-program ini perlulah dikemaskini dan dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya ianya selari dengan kehendak dan keperluan di alaf baru yang serta mencabar. Bukan program / aktiviti-aktiviti sahaja yang perlu diperbaiki tetapi sumber manusia dalam KEMAS itu sendiri juga perlu dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran dan ilmu terkini kerana "Human Resource Development" dan profesionalisme merupakan faktor penting menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu program yang dilaksanakan.

12. Baru-baru ini saya telah menyarankan supaya KEMAS mengkaji semula pelaksanaan TABIKA nya (Taman Bimbingan Kanak-Kanak) supaya menjurus kepada kehendak Kurikulum Pendidikan Pra-Sekolah Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, di mana penekanan KEMAS haruslah lebih tertumpu kepada

pembinaan akhlak dan penanaman sifat murni di kalangan anak-anak bangsa. Kita tahu, peningkatan gejala sosial di kalangan masyarakat kita terutamanya Melayu adalah kerana kurangnya perhatian dan bimbingan dari segi mengisi jiwa anak-anak itu sendiri dengan nilai-nilai tersebut.

13. Kita tidak mahu melihat bangsa kita ini musnah dalam kancah kemaksiatan. Di Pusat Serenti umpamanya penghuni yang ramai sekali adalah dari kaum kita, penganggur teramai adalah juga dari kaum kita, gejala sosial yang meningkat pun dari kaum kita. Kita sebenarnya juara dalam semua bidang yang negatif. Kita perlu bersama-sama menangani masalah tersebut. Oleh itu, saya menyeru sangatlah, supaya pendidikan peringkat awal kanak-kanak ini diberi tumpuan utama dengan penekanan ke arah pembinaan insan cemerlang. Laporan kepada saya terdapat wujudnya Tadika, Taski yang memberi bimbingan yang tidak mengikut kurikulum pra-sekolah sebaliknya ditanamkan semangat benci kepada pemimpin. Melalui aktiviti pendidikan masyarakat, KEMAS seharusnya memainkan peranan yang lebih agresif dan berkesan supaya golongan dewasa tidak turut terjebak dalam kumpulan berhaluan yang bertentangan dengan kehendak pemimpin dan negara.

14. Sesungguhnya ekonomi negara kita lebih stabil berbanding kebanyakan negara-negara lain, namun rakyat tidak seharusnya leka dan `complacent' malah seharusnya terus berusaha dengan lebih gigih. Baru-baru ini kerajaan sekali lagi menekankan pentingnya diwujudkan "satu industri satu kampung" untuk membantu masyarakat luar Bandar dalam meningkatkan ekonomi mereka. Selaras dengan pengiktirafan oleh negara-negara terhadap negara Malaysia sebagai satu- satunya pengeluar makanan halal, maka rakyat khususnya masyarakat luar Bandar seharusnya merebut peluang ini. KEMAS yang sentiasa berdamping dengan mereka harus memainkan peranan untuk memberi penjelasan dan memberi kesedaran dan galakan kepada mereka supaya melibatkan diri di dalam industri tersebut.

15. Saya difahamkan, pada Sambutan Hari KEMAS kali ini, pelbagai potensi kanak-kanak TABIKA KEMAS dipersembahkan, pelbagai usaha kerajinan kerja-tangan juga dipamerkan, sukan mencungkil bakat KEMAS juga diadakan di samping ada pula projek gotong royong di bawah program `ops-mesra' dengan penduduk kampung berdekatan. Terus kanlah usaha-usaha yang baik ini. Di Majlis Malam ini juga akan diadakan acara penganugerahan "Tokoh-Tokoh KEMAS" sebagai suatu dorongan untuk semua warga KEMAS mengikut jejak-jasa mereka.

16. Akhir sekali, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan untuk saya menghadiri upacara ini dan dengan lafaz `Bismillah-hirrahman-nirrahim' saya merasmikan Sambutan Hari KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2002.

Terima kasih.